

04 JANUARI 2019 (JUMAAT)



Mahasiswa yang mengikuti Program Pensijilan Tahfiz Ulul Albab menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP.

UMP perkenal Pensijilan Tahfiz Ulul Albab

KUANTAN- Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan Program Pensijilan Tahfiz Ulul Albab bagi melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang memiliki pelbagai kemahiran ilmu.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, program tersebut matlamat memberikan pendidikan seimbang dunia dan ukhrawi kepada mahasiswa.

Menurutnya, program perintis Jurutera Huffaz dijalankan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) dengan melibatkan 41 mahasiswa membabitkan dua kohort pengambilan bagi mengikuti program se-

lama empat tahun itu.

"Selain sasaran hafaz al-Quran 30 juzuk, mahasiswa juga perlu mengikuti modul ditetapkan antaranya, Adab Hamalatul Quran, Asas Qirat, Asbabun Nuzul, Tafsir Ayat-ayat Pilihan dan Kursus Asas Bahasa Arab," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian sijil penyertaan kepada peserta Ulul Albab UMP bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datu Dr Yuserrie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar, Abd Hamid Majid dan Pengurus Besar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Safie.

Daing Nasir berkata, program tersebut diharap dapat melahirkan generasi ulul albab yang mampu membangunkan negara secara seimbang serta huffaz profesional yang berkepakaran dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

Menyentuh sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP, beliau berkata, ia adalah program tahunan universiti.

Menurutnya, ia dianjurkan bagi menunjukkan kecintaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W sebagai junjungan besar lagi agung.

